

# Anwar ke Russia bincang kerjasama ekonomi, BRICS

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan lawatan ke Vladivostok, Russia dalam tempoh beberapa minggu lagi bagi memenuhi undangan Presiden Vladimir Putin.

Perdana Menteri berkata, antara perkara utama akan dibincang dalam pertemuan itu nanti adalah mengenai potensi kerjasama ekonomi yang boleh dikembangkan di antara kedua-dua negara.

Lawatan itu diyakini dapat mempercepatkan lagi usaha negara ini menganggotai kumpulan ekonomi BRICS (Brazil, Russia, India, China dan Afrika Selatan) dalam keadaan Malaysia sudah menghantar permohonan sebelum ini.

“Beberapa minggu lagi saya akan ke Vladivostok di pinggir Russia untuk menerima undangan Presiden Putin, berbincang soal kerjasama ekonomi yang akan meletakkan kita sebagai antara negara yang mempertahankan pendirian bebas dan tidak ambil sikap untuk bermusuhan dengan sesiapa.

“Prinsip kita jelas, tetap mempertahankan kebebasan, tolak kezaliman, tidak mengizinkan mana-mana negara kelompok menindas, menghina dan membunuh rakyat tidak berdosa.” katanya dalam ucapan perasmian Ibu pejabat dan pelancaran Pusat Kebermerlangan GXBank di sini, semalam.

Sehubungan itu, kata Anwar, beliau mahu menunjukkan kepada dunia bahawa negara ini bebas dan merdeka serta boleh



**ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan pengunjung dan penjaja di Pusat Penjaja Lucky Garden, Bangsar, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

mengadakan hubungan bilateral dan ekonomi tanpa terikat dengan mana-mana kuasa besar.

Pada masa sama, katanya, Malaysia juga akan mengekalkan hubungan tradisional dengan Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU) yang mempunyai pelaburan tinggi.

“Ini kerana pelaburan seperti pendigitalan awal banyak pelaburannya dari AS dan Eropah. Kita juga meneroka dan ada hubungan sangat istimewa dengan China selain Jepun dan Korea yang dianggap rakan tradisional.

“Jadi, saya percaya perkara ini menguntungkan kita kerana Malaysia jelas dengan dasar bersahabat dan mengambil sikap bebas,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, angka dan data me-

ngenai pertumbuhan ekonomi, pelaburan, pengawalan inflasi dan pengangguran berada pada tahap cukup membanggakan.

“Kita catat pencapaian yang meletakkan kita pada tahap mampu berdaya saing dan menjadi negara dikenali sebagai antara hab untuk semikonduktor dan diterima negara-negara seperti AS, Eropah dan China,” ujarnya.

Jelasnya, Malaysia akan terus mengambil pendekatan lebih terbuka bagi memastikan negara mempunyai hubungan perdagangan dengan semua negara.

“Dasar negara kita terbuka. Apa sahaja yang boleh selamatkan bangsa dan negara, dapat memacu pertumbuhan dengan segar, kerangka yang memungkinkan kita berdagang dengan semua negara dan pertahankan keamanan dan ekonomi.

“Kita bersahabat dengan semua asalkan Malaysia kekal bebas, merdeka dan berdaulat,” katanya.

Sementara itu, Anwar bersama lebih 2,000 jemaah menuaikan solat jenazah ghaib atas pemergian Pengurus Biro Politik Hamas, Ismail Haniyeh di Masjid Negara, semalam.

Perdana Menteri tiba di pekarangan Masjid Negara kira-kira pulak 12.50 tengah hari.

Imam Besar Masjid Negara, Ehsan Mohd. Hosni membacakan khutbah bertajuk Perjuangan Demi Nusa Tercinta bersempena sambutan Hari Pahlawan

Sebelum menunaikan solat Jumaat, Perdana Menteri meluangkan masa makan tengah hari di Pusat Penjaja Lucky Garden, Bangsar dan beramah mesra dengan peniaga serta pengunjung.